

03 DEC 1996

DAYA BERSAING MALAYSIA AKAN TERJAMIN MELALUI PERNIAGAAN ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Dengan menjadikan perniagaan Malaysia bertaraf antarabangsa, yang boleh dijayakan melalui konsep Persyarikatan Malaysia, akan menjamin daya bersaing negara dalam persekitaran pengliberalan menyeluruh dagangan dunia dalam alaf akan datang.

Ketika menyatakan demikian, pengerusi kumpulan DRB-Hicom Tan Sri Yahaya Ahmad berkata syarikat-syarikat Malaysia terus menyambut baik pelaburan asing dan aliran masuk modal daripada pelabur-pelabur negara maju melalui perikatan-perikatan strategik.

Perikatan sedemikian akan membawa pemindahan teknologi terkini secara lebih berkesan dan berkongsi pasaran yang memberi keuntungan kepada kedua-dua pihak, tambahnya.

Yahaya berkata demikian pada persidangan panel sedunia di the Hague, Belanda yang turut disertai oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini. Teks ucapan beliau dikeluarkan di sini.

Yahaya berkata rakyat Malaysia kini menerokai dalam semua penjuru dunia, dari negara-negara Asean yang berjiran hingga ke Amerika Utara dan Amerika Latin, Eropah dan Afrika.

Mereka menceburi sektor yang merangkumi pembinaan dan pembangunan prasarana kepada pembuatan keluaran pengguna dan yang berteknologi tinggi.

Yahaya berkata dalam tahun-tahun 1980-an, pelaburan Malaysia di seberang laut meningkat pada kadar purata enam peratus setahun tetapi dari 1990 hingga 1994 ia melonjak daripada RM1.4 bilion kepada RM4.6 bilion pada kadar tahunan 44 peratus.

Fenomena sebuah ekonomi domestik yang kukuh, modal yang banyak, sumber manusia berkemahiran dan kerajaan yang pro-aktif dan pro-perniagaan telah menyediakan pentas untuk mengantarabangsakan perniagaan Malaysia, tambahnya.

Yahaya berkata salah satu daripada empat unsur pelaburan Malaysia di seberang laut ialah perpindahan dari lima negara utama (Hong Kong, Singapura, Australia, Amerika Syarikat dan Britain) ke negara-negara membangun, terutama sekali dalam rantau Asia Pasifik.

Yang kedua ialah perpindahan dalam penumpuan bersektor daripada hartanah kepada pelaburan ekuiti yang meningkat kepada lebih AS\$1.1 bilion (RM2.75 bilion) atau 60 peratus pelaburan kasar seberang laut berbanding dengan 16 peratus pada awal tahun 1980-an.

Yang ketiga ialah bergerak ke arah pemilikan syarikat-syarikat yang memiliki teknologi tinggi dan paten dan tidak lagi melalui perjanjian pemindahan teknologi.

Akhir sekali, mewujudkan perikatan-perikatan strategik dan perkongsian bijak, syarikat-syarikat Malaysia sedang mengadakan perikatan dengan rakan-rakan di ekonomi-ekonomi maju yang berpandangan luas untuk sama-sama melabur dalam pasaran-pasaran sedang muncul terutama sekali di rantau Asia Timur yang pesat membangun.

Yahaya berkata kerajaan memainkan peranan pro-aktif dalam pengantarabangsaaan itu dengan mengecualikan cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada pelaburan seberang laut dan dikirimkan ke Malaysia oleh syarikat-syarikat bermastautin di Malaysia, penandatanganan Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan tidak kurang daripada 46 negara, Perjanjian Pengelakan Cukai Berganda dengan 43 negara dan penubuhan Malaysia Export Credit Insurance Bhd.

Beliau berkata walaupun bersaiz kecil dan dengan jumlah penduduk

kira-kira 20 juta, Malaysia merupakan negara dagangan ke-17 terbesar di dunia.

Ini, tambahnya, menunjukkan kemampuan pengeluaran negara yang, di bawah Pelan Induk Perusahaan Kedua yang dilancarkan baru-baru ini, dijangka menyumbang 38.4 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang tahun 2005. -- BERNAMA

MSL SIA